

**PENGGUNAAN TUMBUHAN UBATAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT DUSUN DI
KAMPUNG PIASAU, RANAU, SABAH**



ADZFA HANANIE BINTI KERISIM

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PENGGUNAAN TUMBUHAN UBATAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT DUSUN DI
KAMPUNG PIASAU, RANAU, SABAH**

ADZFA HANANIE BINTI KERISIM



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA MUDA GEOGRAFI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGGUNAAN TUMBUHAN UBATAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT DUSUN DI KAMPUNG PIASAU, RANAU SABAH**
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**
BIDANG : **GEOGRAFI**

Saya **ADZFA HANANIE BINTI KERISIM**, Sesi **2019-2022** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:


1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila Tandakan (/):

<input type="checkbox"/>	SULIT
<input type="checkbox"/>	TERHAD
<input type="checkbox"/>	TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




ADZFA HANANIE BINTI KERISIM
BA19110561

Disahkan oleh,
ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 12 Ogos 2022


(Dr. Jurry Foo @ Jurry Bt. F Michael)
Penyelia



PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali, nukilan, ringkasan dan rujukan bagi tiap-tiap satunya yang telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



Adzfa Hananie Binti Kerisim
BA19110561



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **ADZFA HANANIE BINTI KERISIM**
NO.MATRIKS : **BA19110561**
TAJUK : **PENGGUNAAN TUMBUHAN UBATAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT DUSUN DI KAMPUNG
PIASAU, RANAU SABAH**
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI)**

DISAHKAN OLEH;

PENYELIA
DR. JURRY FOO @ JURRY BT. F MICHAEL



TANDATANGAN

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Jurry Foo', is written over a horizontal line.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurniaNya, dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Selain itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Jurry Foo @ Jurry Bt. F Michael selaku penyelia saya atas kesabaran, nasihat, sokongan dan bimbingan yang diberikan sepanjang penghasilan tesis ini. Segala bantuan, strategi, kebijaksanaan dan semangat yang diberikan oleh beliau banyak mengajar saya untuk menjadi seorang pelajar dan penyelidik yang cemerlang.

Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (secara amnya), Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (secara khususnya) kerana telah menganugerahkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke universiti. Terima kasih juga kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah yang sentiasa memberi sokongan dan galakan penuh dalam proses penyiapan tesis ini.

Disamping itu, ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang saya hormati Kerisim Bin Letimin dan Mineh Binti Dulamit yang sentiasa memberi kasih sayang, doa, dorongan, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Tidak terkecuali ucapan terima kasih kepada adik-beradik saya yang turut memberi sokongan moral dan fizikal sepanjang menyiapkan tesis ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada penduduk Kampung Piasau Ranau kerana sudi menjadi informan dalam kajian ini yang bermurah hati dalam berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan kajian ini. Serta kesudian meluangkan masa semasa sesi temu bual yang memudahkan kerja lapangan dan proses pengutipan data kajian dilakukan.

Pengkaji amat berterima kasih kepada rakan seperjuangan yang sentiasa sudi bertukar pendapat serta perkongsian ilmu dalam menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan bantuan dan cadangan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu berguna untuk tatapan generasi pada masa akan datang.

Adzfa Hananie Binti Kerisim
08 Ogos 2022

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan tumbuhan ubatan dalam kalangan masyarakat Dusun di Kampung Piasau, Ranau Sabah. Manusia dan tumbuhan saling memerlukan antara satu sama lain seperti manusia menggunakan tumbuhan untuk tujuan perubatan dan mencapai keseimbangan dari sudut biogeografi. Kaedah yang digunakan untuk mengutip data adalah melalui pemerhatian dan temu bual seramai enam orang informan. Tambahan pengkaji menggunakan aplikasi '*Picture This*' sebagai kaedah pengecaman spesies tumbuhan ubatan. Data kajian yang dikutip dianalisis menggunakan teknik analisis frekuensi, teknik analisis naratif dan teknik analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 40 spesies tumbuhan ubatan daripada 21 famili yang biasa digunakan oleh penduduk Kampung Piasau dalam mencegah, menyembuhkan dan baik kepada kesihatan seperti dapat mengatasi darah tinggi, batuk, sakit perut, demam, kencing manis, gout dan kanser. Bahagian tumbuhan yang paling banyak digunakan ialah daun diikuti oleh buah, batang, akar, pucuk, keseluruhan pokok, isi, bunga dan kulit. Cara penggunaan tumbuhan ubatan yang paling banyak diamalkan ialah dengan cara direbus kemudian diminum atau digunakan semasa mandi. Selain itu, tumbuhan juga digunakan dengan cara dijadikan ubat sapu sama ada ditumbuk sehingga lumat terlebih dahulu atau dilayur kemudian digunakan. Terdapat juga tumbuhan ubatan yang digunakan dengan cara dimakan begitu sahaja untuk mengatasi masalah kesihatan. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat empat langkah pemuliharaan tumbuhan ubatan yang dilakukan iaitu, tidak menebang tumbuhan ubatan secara suka hati, hanya mengambil bahagian tumbuhan ubatan yang diperlukan, menanam tumbuhan ubatan di halaman rumah dan mengurangkan penggunaan racun rumpai. Kajian ini adalah penting sebagai sumber pengetahuan dalam penggunaan tumbuhan sebagai ubatan selain bergantung kepada perubatan moden. Tambahan usaha pemuliharaan yang dilakukan akan menjadi pendorong kepada kelestarian alam. Kajian berkaitan tumbuhan ubatan akan menjadi asas kepada pemuliharaan warisan budaya dan alam sekitar.

Kata Kunci: Tumbuhan ubatan, Spesies Tumbuhan, Kegunaan, Pemuliharaan, Sabah.

ABSTRACT

THE USE OF MEDICINAL PLANTS AMONG THE DUSUN COMMUNITY IN KAMPUNG PIASAU , RANAU SABAH

This thesis aims to study the use of medicinal plants among the Dusun community in Kampung Piasau, Ranau Sabah. Humans and plants interact with each other as humans use plants for medicinal purposes and to achieve balance from a biogeographic point of view. The data collection method used is through observation and interviews with six informants. In addition, the researcher also use the 'Picture This' application as a method of identifying medicinal plant species. The collected research data was analysed using frequency analysis techniques, narrative analysis techniques, and content analysis techniques. The results of the study found that there are 40 species of medicinal plants from 21 families of plants that are commonly used by the Dusun Community in Kampung Piasau to prevent, cure and improve health, such as being able to overcome high blood pressure, cough, stomach ache, fever, diabetes, gout, and cancer. The most commonly used plant parts are leaves, followed by fruits, stems, roots, shoots, whole trees, pulp, flowers, and bark. The most common way of using medicinal plants is by boiling them and then drinking them or use them while bathing. In addition, the plant is also used in a way that it is used as a cream, either by pounding it until it becomes mushy or by wilting it with fire and then smear it on the skin. There are also medicinal plants that are used by simply eating them. Next, the findings of the study show that there are four steps of medicinal plant conservation that can be done, that is stop cutting down medicinal plants unnecessary, only taking the necessary parts of medicinal plants, planting medicinal plants in the home yard, and reducing the use of herbicides. This study is important as a source of knowledge in the use of plants as medicine, in addition to relying on modern medicine. Additional conservation efforts carried out will be an impetus to the sustainability of nature. Research related to medicinal plants will be the basis for the conservation of cultural and environmental heritage.

Keywords: Medical plant, Plant species, Benefit, Conservation, Sabah

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xii
SENARAI SIMBOL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Matlamat Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Permasalahan Kajian	3
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.7 Skop Kajian	5
1.7.1 Limitasi Subjek	5
1.7.2 Limitasi Kawasan	5
1.7.3 Limitasi Masa	6
1.8 Kerangka Konseptual	7
1.9 Kerangka Bab	8
BAB 2: SOROTAN KARYA	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Latar Belakang Konsep	11
2.2.1 Konsep Penggunaan	11
2.2.2 Konsep Tumbuhan Ubatan	12
2.2.3 Konsep Pemuliharaan	13
2.2.4 Konsep Kebergantungan Manusia Terhadap Alam Sekitar	14
2.3 Kajian Lepas	16
2.3.1 Spesies Tumbuhan Ubatan	16
2.3.2 Kegunaan Tumbuhan Ubatan	17
2.3.3 Usaha Dalam Pemuliharaan Spesies Tumbuhan Ubatan	18
BAB 3: KAEDAH KAJIAN	20
3.1 Pengenalan	20
3.2 Kawasan Kajian	20
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	21
3.3.1 Temu Bual	21
3.3.2 Pemerhatian	22
3.3.3 Kajian Kepustakaan	22
3.4 Kaedah Menganalisis Data	22
3.4.1 Teknik Analisis Frekuensi	23

3.4.2 Teknik Analisis Naratif	23
3.4.3 Teknik Analisis Kandungan	23
3.5 Kesimpulan	24
BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	25
4.1 Pengenalan	25
4.2 Demografi Informan	25
4.3 Spesies Tumbuhan Ubatan yang Terdapat di Kampung Piasau Serta Bilangan Spesies bagi Penyakit, Masalah dan Penjagaan Kesihatan	27
4.4 Kegunaan Bagi Setiap Spesies Tumbuhan Ubatan yang Terdapat di Kampung Piasau Ranau	33
<i>i. Saccharum officinarum</i>	33
<i>ii. Cymbopogon citratus</i>	34
<i>iii. Coix lacryma-jobi</i>	34
<i>iv. Eleusine indica</i>	35
<i>v. Imperata cylindrica</i>	35
<i>vi. Zea mays</i>	36
<i>vii. Blumea balsamifera</i>	37
<i>viii. Elephantopus tomentosus</i>	38
<i>ix. Chromolaena odorata</i>	39
<i>x. Crassocephalum crepidioides</i>	39
<i>xi. Citrus limon</i>	40
<i>xii. Citrus aurantifolia</i>	41
<i>xiii. Micromelum pubescens</i>	41
<i>xiv. Hibiscus rosa-sinensis</i>	42
<i>xv. Urena lobata</i>	43
<i>xvi. Piper nigrum</i>	44
<i>xvii. Piper sarmentosum</i>	45
<i>xviii. Cocos nucifera</i>	46
<i>xix. Areca catechu</i>	46
<i>xx. Ficus septica</i>	47
<i>xxi. Artocarpus heterophyllus</i>	48
<i>xxii. Tinospora crispa</i>	49
<i>xxiii. Pericampylus glaucus</i>	50
<i>xxiv. Benincasa hispida</i>	51
<i>xxv. Momordica charantia</i>	52
<i>xxvi. Angiopteris yunnanensis</i>	53
<i>xxvii. Plantago major</i>	54
<i>xxviii. Euphorbia hirta</i>	54
<i>xxix. Gliricidia sepium</i>	55
<i>xxx. Melastoma malabathricum</i>	56
<i>xxxi. Carica papaya</i>	57
<i>xxxii. Annona muricata</i>	58
<i>xxxiii. Phyllanthus urinaria</i>	59
<i>xxxiv. Curcuma domestica</i>	59
<i>xxxv. Psidium guajava</i>	60
<i>xxxvi. Morinda citrifolia</i>	61
<i>xxxvii. Lansium parasiticum</i>	61
<i>xxxviii. Hellenia speciosa</i>	62
<i>xxxix. Eriobotrya japonica</i>	63

<i>xl. Leucosyke capitellata</i>	63
4.5 Usaha yang dilakukan oleh Penduduk Kampung Piasau untuk Memulihara Tumbuhan Ubatan	64
4.5.1 Tidak Menebang Pokok Ubat-Ubatan Secara Suka Hati	64
4.5.2 Hanya Mengambil Bahagian Tumbuhan Ubatan yang Diperlukan	65
4.5.3 Menanam Tumbuhan Ubatan Berhampiran Rumah	66
4.5.4 Mengurangkan Penggunaan Racun Rumpai	67
4.5.5 Tanggapan Bahawa Sumber Tumbuhan Ubatan Masih Banyak	68
4.6 Perbincangan	68
4.7 Kesimpulan	73
BAB 5: KESIMPULAN	75
5.1 Pengenalan	75
5.2 Cadangan Masa Hadapan	78
5.3 Penutup	79
RUJUKAN	81
LAMPIRAN	87



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Gantt Chart Limitasi Masa Pelaksanaan Latihan Ilmiah	6
Jadual 4.1: Analisis Frekuensi Jantina, Umur, Bangsa dan Pekerjaan	26
Jadual 4.2: Tumbuhan Ubatan di Kampung Piasau Ranau	27
Jadual 4.3: Bilangan Spesies bagi Penyakit, Masalah dan Penjagaan Kesihatan	30



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Saling Kebergantungan Hidupan dan Alam Sekitar	7
Rajah 2.1: Hubungan Manusia dan Alam Sekitar (Penilaian Manusia Terhadap Sumber)	14
Rajah 3.1: Peta Kawasan Kajian	20



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 4.1: <i>Saccharum officinarum</i>	33
Foto 4.2: <i>Cymbopogon citratus</i>	34
Foto 4.3: <i>Coix lacryma-jobi</i>	34
Foto 4.4: <i>Eleusine indica</i>	35
Foto 4.5: <i>Imperata cylindrica</i>	35
Foto 4.6: <i>Zea mays</i>	36
Foto 4.7: <i>Blumea balsamifera</i>	37
Foto 4.8: <i>Elephantopus tomentosus</i>	38
Foto 4.9: <i>Chromolaena odorata</i>	39
Foto 4.10: <i>Crassocephalum crepidioides</i>	39
Foto 4.11: <i>Citrus limon</i>	40
Foto 4.12: <i>Citrus aurantifolia</i>	41
Foto 4.13: <i>Micromelum pubescens</i>	41
Foto 4.14: <i>Hibiscus rosa-sinensis</i>	42
Foto 4.15: <i>Urena lobata</i>	43
Foto 4.16: <i>Piper nigrum</i>	44
Foto 4.17: <i>Piper sarmentosum</i>	45
Foto 4.18: <i>Cocos nucifera</i>	46
Foto 4.19: <i>Areca catechu</i>	46
Foto 4.20: <i>Ficus septica</i>	47
Foto 4.21: <i>Artocarpus heterophyllus</i>	48
Foto 4.22: <i>Tinospora crispa</i>	49
Foto 4.23: <i>Pericampylus glaucus</i>	50
Foto 4.24: <i>Benincasa hispida</i>	51
Foto 4.25: <i>Momordica charantia</i>	52
Foto 4.26: <i>Angiopteris yunnanensis</i>	53
Foto 4.27: <i>Plantago major</i>	54
Foto 4.28: <i>Euphorbia hirta</i>	54
Foto 4.29: <i>Gliricidia sepium</i>	55
Foto 4.30: <i>Melastoma malabathricum</i>	56
Foto 4.31: <i>Carica papaya</i>	57
Foto 4.32: <i>Annona muricata</i>	58
Foto 4.33: <i>Phyllanthus urinaria</i>	59
Foto 4.34: <i>Curcuma domestica</i>	59
Foto 4.35: <i>Psidium guajava</i>	60
Foto 4.36: <i>Morinda citrifolia</i>	61
Foto 4.37: <i>Lansium parasiticum</i>	61
Foto 4.38: <i>Hellenia speciosa</i>	62
Foto 4.39: <i>Eriobotrya japonica</i>	63
Foto 4.40: <i>Leucosyke capitellata</i>	63

SENARAI SIMBOL

cm	-	Centimeter
m	-	Meter

SENARAI SINGKATAN

KG.	-	Kampung
------------	---	---------



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	87
Lampiran B: Soalan Temu Bual	88
Lampiran C: Aktiviti Temu Bual	89
Lampiran D: Keputusan Akhir Turnitin	90
Lampiran E: Transkrip Temu Bual	91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Tumbuhan adalah sumber semulajadi dalam sistem biosfera yang penting kepada manusia. Amalan serta budaya penggunaan tumbuhan ubatan telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat tempatan di Malaysia (Khairuddin, 2015; Jurry *et al*, 2014). Budaya manusia memberikan dampak kepada persekitaran fizikal dan sosial (Katiman, 2013). Faktor amalan budaya yang melibatkan kepercayaan terhadap tumbuhan ubatan mempunyai kaitan dengan sikap masyarakat di Malaysia yang mempunyai keyakinan tinggi terhadap keselamatan penggunaan tumbuhan ubatan (Ibrahim, 2008). Walaupun pada masa kini perubatan moden menjadi tumpuan utama untuk setiap penyakit namun khasiat dan kelebihan rawatan pengubatan secara tradisional sama ada dari sudut amalan dan penggunaan herba tidak sepatutnya dipinggirkan (Siti Fatimah & Yusmilayati, 2019). Pada zaman dahulu kala, kebanyakan ilmu pengetahuan mengenai tumbuhan ubatan wujud apabila bahagian-bahagian tumbuhan seperti daun, batang, bunga, kulit dan akar digunakan sebagai makanan dan ubat. Pengetahuan dalam menggunakan tumbuhan merupakan pengetahuan umum yang tersebar luas dalam kalangan masyarakat. Boleh dikatakan dalam setiap rumah terdapat sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga yang mempunyai pengetahuan tentang kegunaan serta khasiat tumbuh-tumbuhan khususnya sebagai ubat.

Kajian tumbuhan ubatan di Sabah banyak dilakukan dengan memberi fokus terhadap kajian etnobotani (Anderson *et al.*, 2001; Julius, 2006). Kajian etnobotani merangkumi inventori spesies tumbuhan, morfologi, bahagian tumbuhan yang digunakan sebagai ubat, penyakit yang dapat diubati dan cara-cara penggunaan dan

penyediaan tumbuhan ubatan bagi merawat dan mencegah penyakit. Jurry Foo (2018), menyatakan potensi tumbuhan sebagai ubat telah lama disedari dalam sistem kesihatan tempatan. Potensi tersebut menjadi pemangkin kepada pengayaan nilai spesies bukan sahaja sebagai ubat, tetapi sebagai produk yang boleh dimanfaatkan sebagai penjana pendapatan.

Tesis ini bertujuan membincangkan penggunaan tumbuhan ubatan dalam kalangan masyarakat Dusun di Kg. Piasau, Ranau, Sabah. Ini kerana tinjauan awal menunjukkan bahawa komuniti di kampung Piasau mempunyai pengetahuan yang luas dalam penggunaan tumbuhan ubatan. Ini juga merupakan pendekatan terbaik untuk mendokumentasikan amalan perubatan berasaskan tumbuhan dalam kalangan komuniti di Kg. Piasau di samping memahami kebergantungan terhadap tumbuhan serta nilainya.

1.2 Matlamat Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti spesies tumbuhan ubatan yang sering digunakan oleh masyarakat Dusun di Kg. Piasau dalam mengubati, mencegah dan baik untuk kesihatan. Selain itu, untuk mengkaji kegunaan dan cara penggunaan setiap spesies tumbuhan ubatan dan dapat mengenal pasti bahagian tumbuhan yang digunakan sebagai ubat serta penyakit yang boleh dirawat. Akhir sekali, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti cara mengekalkan atau usaha pemuliharaan yang dilakukan oleh masyarakat Dusun di Kg Piasau bagi memastikan sumber tumbuhan ubatan sentiasa ada.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat tiga pernyataan masalah yang dikenal pasti iaitu:

1. Apakah spesies tumbuhan ubatan yang terdapat di Kampung Piasau Ranau?
2. Apakah kegunaan dan cara penggunaan setiap tumbuhan ubatan yang biasa digunakan oleh masyarakat Dusun di Kampung Piasau Ranau?
3. Apakah usaha yang dilakukan oleh masyarakat Dusun di Kampung Piasau dalam pemuliharaan setiap spesies tumbuhan ubatan?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian yang dibangunkan dalam kajian ini berdasarkan pernyataan masalah yang sudah dikenal pasti antaranya ialah:

1. Mengenal pasti spesies tumbuhan ubatan yang digunakan oleh masyarakat Dusun di Kampung Piasau, Ranau, Sabah.
2. Mengkaji kegunaan tumbuhan ubatan yang biasa digunakan oleh masyarakat Dusun di Kampung Piasau, Ranau.
3. Mengkaji usaha pemuliharaan spesies tumbuhan ubatan oleh masyarakat Dusun di Kampung Piasau, Ranau.

1.5 Permasalahan Kajian

Permasalahan utama kajian ini ialah dokumentasi pengetahuan mengenai tumbuhan ubatan dalam kalangan komuniti Kg. Piasau, Ranau, Sabah. Menurut Rusni & Thuraya (2021), sejak ribuan tahun yang lalu tumbuhan ubatan telah menjadi asas yang penting dalam perubatan tradisional. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mendokumentasikan spesies tumbuhan ubatan tempatan yang biasa digunakan oleh kaum Dusun di Kg. Piasau Ranau. Seterusnya, setiap spesies tumbuhan ubatan pastinya mempunyai kegunaan dan kepentingan tersendiri dalam merawat, mencegah penyakit dan baik untuk kesihatan. Kajian yang dijalankan akan dapat mengumpul tumbuhan ubatan yang biasa digunakan untuk merawat pelbagai jenis penyakit dan penting pada masa akan datang. Kajian ini juga dijalankan disebabkan masih ramai penduduk Kg. Piasau yang menggunakan tumbuhan ubatan dalam kehidupan harian bagi merawat penyakit.

Kajian awal menunjukkan bahawa sebahagian besar isi rumah dalam kalangan masyarakat tempatan di Sabah, terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah bergantung sepenuhnya kepada tumbuhan ubatan, kerana harganya yang murah dan mudah diperolehi (Andersen *et al*, 2003). Oleh itu kajian ini turut mengkaji usaha yang dilakukan oleh masyarakat Dusun di Kampung Piasau dalam memulihara setiap sumber tumbuhan ubatan. Hal ini kerana aspek pemuliharaan pada masa kini hangat diperkatakan disebabkan oleh aktiviti manusia seperti dalam aktiviti pertanian, perindustrian dan sebagainya yang boleh mengancam spesies haiwan dan tumbuhan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapat mengenal pasti kebergantungan manusia terhadap sumber semulajadi melalui amalan perubatan berasaskan tumbuhan. Ini juga dapat menjelaskan pengaruh budaya kepada persekitaran fizikal, iaitu bagaimana kegiatan manusia yang berterusan menjadikan tumbuhan sebagai penting dalam kehidupan. Hal ini menyumbang dalam korpus ilmu Geografi dalam bidang biogeografi dan pengurusan alam sekitar. Kajian berkaitan spesies tumbuhan ubatan serta kegunaannya pastinya hasil dapatan adalah berbeza mengikut tempat dan kepercayaan serta pengalaman informan. Hal ini kerana, fungsi atau nilai sesuatu tumbuhan ditentukan oleh manusia di sesuatu tempat. Oleh itu kajian yang dijalankan ini akan dapat menyumbang kepada dokumentasi spesies tumbuhan ubatan, kegunaan dan cara penggunaan dalam korpus ilmu Geografi. Seterusnya, kajian ini akan dapat menyumbang kepada usaha pemuliharaan setiap spesies tumbuhan ubatan.

Melalui kajian yang dijalankan ini juga oleh pengkaji akan memberi manfaat kepada penduduk Kg. Piasau Ranau kerana kajian berkaitan tumbuhan ubatan dengan mengkaji spesies tumbuhan ubatan, kegunaan dan usaha pemuliharaan yang dilakukan belum pernah dilaksanakan secara akademik. Hal ini sedikit sebanyak memberi manfaat kepada penduduk kampung dalam menambah pengetahuan mereka dan merasa lebih dihargai dengan kajian yang dilaksanakan. Dari segi pengumpulan semua spesies tumbuhan ubatan yang mereka biasa gunakan termasuk kegunaan dan cara guna disamping mengetahui usaha pemuliharaan yang dilakukan akan dapat membantu memastikan sumber bekalan spesies tumbuhan yang biasa digunakan kekal ada.

Kajian yang dijalankan memberi sumbangan contohnya kepada pihak kerajaan. Terutamanya hasil kajian berkaitan dengan usaha pemuliharaan tumbuhan ubatan yang dilakukan. Kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak kerajaan dalam menambah idea dalam usaha menerapkan kepada rakyat tentang usaha pemuliharaan spesies tumbuhan ubatan yang berguna kepada kesihatan melalui hasil dapatan dan perbincangan dalam kajian ini.

Kajian yang dilaksanakan akan dapat membantu pengkaji pada masa akan datang berkaitan dengan kajian tumbuhan ubatan sama ada sebagai bahan bacaan tambahan mahupun sebagai rujukan. Seterusnya memberi panduan atau bacaan tambahan kepada seluruh lapisan masyarakat di luar sana. Pengetahuan terhadap jenis penyakit yang dapat

diubati oleh satu-satu spesies akan bertambah kerana pastinya, setiap bangsa, tempat dan individu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berbeza menggunakan spesies tumbuhan dalam merawat pelbagai jenis penyakit. Oleh itu, kajian ini akan mengumpulkan spesies tumbuhan ubatan serta kegunaannya yang mungkin mempunyai persamaan atau perbezaan berdasarkan kajian lepas dan sudah tentu dapat menambah pengetahuan kepada pengkaji pada masa akan datang.

1.7 Skop Kajian

1.7.1 Limitasi Subjek

Kajian yang dijalankan memberi tumpuan kepada tumbuhan ubatan. Dimana kajian dijalankan untuk mengkaji spesies tumbuhan ubatan yang biasa digunakan oleh masyarakat Dusun di Kg. Piasau Ranau. Tambahan limitasi subjek tumbuhan ubatan bagi mengkaji kegunaan setiap spesies tumbuhan mengikut bahagian sama ada pucuk, daun, akar, kulit, batang dan bunga dan jenis penyakit yang dapat diubati. Serta morfologi setiap spesies tumbuhan ubatan yang dikenal pasti dan juga usaha dalam pemuliharaan spesies tumbuhan ubatan.

1.7.2 Limitasi Kawasan

Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah di Kg. Piasau, Ranau, Sabah dalam kalangan masyarakat Dusun. Terdapat pelbagai spesies tumbuhan ubatan yang terdapat di Kg. Piasau serta masyarakat Dusun masih mengamalkan penggunaannya sebagai alternatif selain daripada perubatan moden menjadikan kajian ini dijalankan. Temu bual yang dijalankan adalah melibatkan enam orang informan yang merupakan wakil kepada setiap isi rumah penduduk Kg. Piasau Ranau. Kawasan kajian yang kecil diambil oleh pengkaji agar pengenalan pastian spesies tumbuhan ubatan serta kegunaan dan cara penggunaan sekaligus kajian berkaitan usaha pemuliharaan tumbuhan ubatan dapat bertumpu kepada masyarakat Dusun di Kg. Piasau sahaja.


1.7.3 Limitasi Masa

Tempoh masa kajian ini ialah dua semester iaitu bermula semester 1 sesi 2021/2022 pada bulan Oktober 2021 hingga Februari tahun 2022. Manakala semester 2 sesi 2021/2022 bermula bulan Mac hingga Ogos 2022. Proses pengutipan data sehingga proses penulisan tesis seperti yang ditunjukkan dalam Gantt Chart Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Gantt Chart Limitasi Masa Pelaksanaan Latihan Ilmiah

Tahun	2021			2022							
	Oktober	November	December	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos
Mengenal pasti permasalahan kajian											
Penentuan dan semakan tajuk latihan ilmiah kepada penyelia											
Penyediaan proposal kajian											
Semakan dan pembetulan proposal kajian											
Pencarian bahan sorotan literatur											
Pengesahan semula tajuk latihan ilmiah											
Penulisan draf kajian bab 1, bab 2 dan bab 3											
Pemerhatian awal berkaitan spesies tumbuhan ubatan serta penggunaan aplikasi 'Picture This'											
Semakan soalan temu bual dan dapatan awal pemerhatian											
Kutipan data dilakukan melalui temu bual di lapangan											
Penganalisan data											
Penulisan draf penuh											
Semakan penulisan penuh latihan ilmiah											
Pembetulan penulisan latihan ilmiah											
Penghantaran latihan ilmiah											

1.8 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1: Saling Kebergantungan Hidupan dan Alam Sekitar

Kerangka konseptual di atas menunjukkan saling kebergantungan hidupan dan alam sekitar dari sudut biogeografi. Manusia dan tumbuhan saling memerlukan antara satu sama lain iaitu manusia menggunakan tumbuhan untuk pelbagai tujuan dan tumbuhan perlu digunakan untuk mencapai keseimbangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia merupakan komponen biotik dan tumbuhan sebagai komponen abiotik. Dalam sistem biosfera komponen biotik dan abiotik adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Dalam konteks hubungan manusia dan alam sekitar semula jadi, pada asasnya alam sekitar menyediakan sumber untuk digunakan oleh manusia untuk kelestarian hidup. Manusia merupakan makhluk alam yang paling mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran sekelilingnya berbanding makhluk lain. Manusia berupaya memanfaatkan sumber alam berdasarkan kepentingan mereka. Manusia memanfaatkan sumber alam sekitar berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan mereka. Selain itu, pengetahuan manusia berkembang mengikut perubahan corak pemikiran, perubahan sosial, ekonomi dan ekologi (Eko Baroto Walujo, 2011).

Manusia dan tumbuhan mempunyai hubungan yang terbit daripada kebergantungan antaranya dalam memenuhi keperluan sesebuah ruang biosfera (Jurry dan Kadir, 2017). Hubungan manusia dan tumbuhan terbentuk melalui faktor sosiobudaya. Manusia memanfaatkan sumber untuk memenuhi keperluan dan kehendak demi kelangsungan hidup dan untuk mencapai kualiti hidup. Penggunaan tumbuhan sebagai ubat merupakan ilmu pengetahuan penting yang diamalkan dan diwarisi oleh sesebuah masyarakat.

Jurry Foo *et al.*, (2014) menjelaskan bahawa kelangsungan pasaran tumbuhan ubatan menjadi petunjuk kepada kebergantungan manusia terhadap sumber persekitaran semula jadi. Jika dilihat dari sudut perspektif sains ruang, kebergantungan manusia dengan persekitaran semula jadi merupakan interaksi yang membentuk satu jaringan fungsi antara pengguna dan pengeluar.

Schaal (2019) pula menyifatkan tumbuhan sebagai teras kesejahteraan manusia bukan sahaja sebagai makanan tetapi juga sebagai komponen utama budaya, agama dan sebagai ubat-ubatan. Hal ini dapat dilihat tumbuhan memberi inspirasi kepada seni dan fakta bahawa komuniti orang asli zaman dahulu yang mengumpul bahan tumbuhan untuk kegunaan perubatan atau keagamaan. Manusia bukan sahaja mendapat manfaat daripada tumbuhan tetapi sebagai pusat kepada masyarakat. Kita dapat melihat kepentingan hubungan kita dengan tumbuhan dalam seni purba. Buktinya, Petroglyphs purba yang diukir oleh *Native American Pueblo* menggambarkan jagung (*Zea mays*), menggambarkan betapa pentingnya tumbuhan ini kepada budaya mereka. Lukisan dari tamadun Minoan (2600–1100 sebelum masihi) menggambarkan papyrus (*Cyperus papyrus*), manakala laici (*Litchi chinensis*) sering diwakili dalam seni yang indah dalam tamadun China. Jelaslah tumbuhan telah memberi inspirasi kepada manusia sejak dahulu lagi.

1.9 Kerangka Bab

Secara keseluruhannya penulisan latihan ilmiah ini merangkumi lima bab. Setiap bab mempunyai kepentingan yang tersendiri. Bab pertama meliputi perbincangan mengenai pengenalan, matlamat kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kerangka konseptual dan kerangka bab ini.